

## GALAKAN SOLAT BERJEMAAH DI MASJID

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ  
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredai Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Walaupun hukum solat berjemaah dalam mazhab al-Syafie adalah fardu kifayah, namun ia menjadi tuntutan kepada semua orang kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. tidak pernah solat fardu melainkan secara berjemaah. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Abu Daud:

مَا مِنْ ثَلَاثَةٍ فِي قَرْيَةٍ وَلَا بَدْوٍ لَا تُقَامُ فِيهِمُ الصَّلَاةُ إِلَّا قَدْ اسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ  
فَعَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ فَإِنَّمَا يَأْكُلُ الذُّبُّ الْقَاصِيَةَ

Yang bermaksud: *tidak ada tiga orang lelaki dalam satu kampung atau penduduk yang berpindah-randah yang tidak mengerjakan solat berjemaah melainkan mereka mudah dikuasai syaitan maka hendaklah kamu mendirikan solat berjemaah maka sesungguhnya serigala hanya akan memakan mangsanya yang bersendirian.*

Dari Abdullah Bin Mas'ud, katanya; *"Siapa berkehendak bertemu dengan Allah esok (hari kiamat) sebagai seorang muslim, hendaklah dia menjaga solat berjemaah, apabila dia mendengar panggilan azan, sesungguhnya Allah telah mensyariatkan kepada Nabi kamu jalan-jalan petunjuk, dan sesungguhnya solat berjemaah adalah antara jalan-jalan petunjuk*

*itu, kalau kamu solat di rumah dengan tidak berjemaah di masjid, bererti kamu telah meninggalkan sunnah nabi kamu, sekiranya kamu meninggalkan sunnah nabi, sesungguhnya kamu akan sesat, dan tidaklah seseorang daripada kamu berwuduk dengan sebaik-baiknya, kemudian dia pergi ke masjid, nescaya Allah mencatat setiap langkahnya satu kebaikan, dan diangkat darjatnya serta dihapuskan dosanya, sesungguhnya kami mengetahui orang yang tidak solat berjemaah melainkan dia adalah orang yang jelas kemunafikannya, maka sesungguhnya orang yang mendapatkan hidayah Allah sanggup datang untuk mendirikan saf solat berjemaah walaupun dia terpaksa dipapah oleh dua orang."*

Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al Baqarah, ayat 43:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Yang bermaksud: *Dan dirikanlah solat dan keluarkanlah zakat, serta rukuklah (solat berjemaah) bersama-sama orang yang rukuk.*

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Masalah perpecahan umat Islam sekarang hanya boleh diatasi dengan solat berjemaah di masjid. Inilah yang dilakukan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam semasa Baginda berhijrah ke kota Madinah. Sebelum Rasulullah sampai ke Madinah, Baginda mengasaskan masjid Quba' dan mendirikan solat berjemaah di masjid tersebut sebagaimana firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al Taubah, ayat 108:

لَمَسْجِدٍ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَىٰ مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ

Yang bermaksud: *“kerana sesungguhnya masjid (Quba’) yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), lebih patut engkau bersolat di situ”.*

Rasulullah sangat menekankan umatnya supaya datang solat berjemaah di masjid, malah dalam sebuah hadisnya Baginda akan membakar rumah orang yang tidak datang berjemaah ke masjid. Mengikut fakta sejarah, Baginda tidak pernah meninggalkan solat

berjemaah semasa hayatnya, walaupun Baginda berada dalam keadaan sakit. Begitu jugalah para sahabatnya. Inilah hadis yang disebutkan oleh Abdullah Bin Mas'ud:

لَقَدْ رَأَيْتَنَا وَمَا يَتَخَلَّفُ عَنِ الصَّلَاةِ إِلَّا مُنَافِقٌ قَدْ عَلِمَ نِفَاقَهُ

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya aku melihat (mengetahui) dalam kalangan sahabat, tidak ada sesiapa pun yang meninggalkan solat (berjemaah), melainkan orang munafik yang telah diketahui kemunafikannya*”.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Sejak akhir-akhir ini kita dapati bahawa agama Islam dan umatnya sentiasa mendapat penghinaan dari musuh-musuh Islam, syariat dan hukum hakamnya diperlekeh serta berlakunya perpecahan membimbangkan dalam kalangan umat Islam sendiri. Masalah ini sebenarnya boleh diatasi sekiranya semua kita berjemaah di masjid pada setiap solat fardhu. Marilah kita berdoa kepada Allah Subhanahu wa-Taala supaya Allah sentiasa bersama kita. Jadikanlah kehadiran solat berjemaah pada setiap waktu sama seperti kehadiran solat Jumaat.

Oleh itu, mulai sekarang, marilah kita berlumba-lumba datang berjemaah ke masjid. Ajaklah anak-anak, kaum keluarga, jiran tetangga dan orang lain supaya datang bersama-sama. Yakinlah bahawa jika ini dilakukan, insya-Allah pertolongan Allah Subhanahu wa-Taala akan datang dan kita menjadi satu bangsa yang kuat dan disegani. Hal ini bertepatan dengan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

إِنَّ اللَّهَ لَيَعْجَبُ مِنَ الصَّلَاةِ فِي الْجَمِيعِ

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya Allah Subhanahu wa-Taala sangat takjub (kagum) dengan solat yang didirikan secara berjemaah*”.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Kesedaran terhadap kemakmuran dan keselamatan negara serta membina ekonomi orang Islam tidak mungkin dicapai sekiranya kita bersolat lima waktu dengan cara bersendirian di rumah masing-masing.

Lihatlah pencapaian ekonomi negara Turki, sebelum ini Turki adalah termasuk negara yang ketinggalan di Eropah tetapi sejak kesedaran rakyatnya beragama Islam dan mengutamakan solat berjemaah, kita dapati negara tersebut semakin meningkat maju.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَأَقِمْوَا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكَاةَ وَاعْتَصِمُوا بِاللَّهِ هُوَ مَوْلَاكُمْ فَنِعْمَ الْمَوْلَىٰ وَنِعْمَ النَّصِيرُ ﴿٧٨﴾

Yang bermaksud: “Oleh itu, dirikanlah solat, dan tunaikanlah zakat, serta berpegang teguhlah kamu kepada Allah! Dialah Pelindung kamu. Maka (Allah yang demikian sifat-Nya) Dialah sahaja sebaik-baik Pelindung dan sebaik-baik Pemberi Pertolongan”.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.